


O U V

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



GELORA CINTA, PERKAHWINAN

*Diana Danielle
Farid Kamil*



Farid Kamil & Diana Danielle



Hidup tidak selalu indah dan penuh tantangan. Ketika cinta terasa menggebu, semuanya tampak sempurna, tetapi saat masalah datang, cinta bisa terhanyut.

Ini mungkin yang sedang dialami pasangan selebriti Diana Danielle dan Farid Kamil, yang menghadapi kisah cinta yang tidak selalu berakhir bahagia.

Menikah pada 3 November 2012, pasangan sama cantik sama padan ini sudah dikurniai dua cahaya mata iaitu Muhammad, 11, dan Nur Aurora, 9.

Meski terlihat bahagia di media sosial, rumah tangga Diana Danielle dan Farid Kamil mengalami pasang surut seperti pasangan lain. Setelah 11 tahun menikah, Diana meminta cerai pada Ogos 2023. Namun, karena rasa cinta dan kepercayaan, keduanya kembali rujuk hanya 21 hari kemudian pada 31 Ogos 2023.

Pada saat khayal dan peminat melihat kerukunan rumah tangga mereka kembali membaik dan harmoni setelah rujuk, bintang filem *Imaginur* berusia 33 tahun itu membuat pengumuman mengejutkan.

Menerusi media sosialnya, Diana mendedahkan ikatan pernikahan yang kembali terjalin dalam tempoh setahun ini tidak berjalan mulus.

Diana tidak bahagia dan mahu menuntut perceraian buat kali kedua!

"Saya ambil keputusan untuk secara rasmi berpisah daripada suami saya dan akan memfaillkan perceraian. Rujuk bukan untuk semua orang. Lepaskan saya. Terima kasih," tulisnya.

Pengumuman dan permintaan tersebut dibalas tenang oleh Farid. Sebagai suami, dia mengatakan akan memperbetulkan kesilapan sekaligus menyelesaikan masalah yang menganggu gugat rumah tangga mereka dengan baik.

Farid, 43, juga dengan tegas tidak mahu rumah tangganya runtuhan buat kali kedua.

Pun, kenyataan Farid dipercayai dibalas Diana dengan mendakwa lelaki yang pernah meluruhkan hati dengan cinta menggebu-gebu sebagai hipokrit.

Sehingga artikel ini ditulis, belum ada 'gerakan' secara rasmi daripada Diana untuk kembali bergelar ibu tunggal dan khayal juga belum menyaksikan apakah jenis pujuk rayu yang akan digunakan Farid untuk memastikan wanita tercinta kekal menjadi permaisuri rumah tangga mereka.

Jangan sampai cinta menjadi sebuah kesenangan yang membikin kita sengsara. - MALIAH SURIP



Fasa Cinta, Nikah - Cerai & Rujuk Farid, Diana



Mencecah usia 12 tahun perkahwinan, rumah tangga Diana Danielle dan Farid Kamil sekali lagi berdepan ujian.

Diana tiba-tiba mengumumkan mahu memfailkan cerai terhadap Farid buat kali kedua, hanya kurang satu tahun selepas kembali berkahwin.

Menurut Diana, rujuk bukan untuk semua pasangan berkahwin dan dia bertegas mahu bercerai.

Farid pula dengan tegas memberitahu permintaan cerai Diana bukan disebabkan kehadiran orang ketiga dan sebagai suami dia tetap akan mempertahankan mahligai perkahwinan yang telah diserikan bersama dua anak.

Jauh sebelum kemelut ini melanda, Diana dan Farid sudah menempuh banyak fasa percintaan dan berikut antaranya;

Fasa Bercinta

Diana pertama kali mengaku bercinta dengan Farid pada tahun 2009. Pengakuan tersebut dibuat selepas Diana selesai menjalani Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Waktu itu pelakon kacukan tersebut berusia 18 tahun.

Fasa Bertunang

Pasangan selebriti itu melanjutkan hubungan cinta dengan mengikat tali pertunangan selepas tiga tahun menjadi kekasih.

Farid melamar Diana menjadi tunangannya dalam sebuah majlis sederhana pada 4 September 2012. Diana antaranya menerima senaskhah Al-Quran, pakaian dan kasut.

Fasa Berkahwin

Diana dan Farid akhirnya menikah pada 2012 pada usia bintang filem *Imaginur* itu 21 tahun manakala aktor tersebut 31. Diana dan Farid kemudian dikurniai sepasang cahaya mata iaitu Muhammad yang kini berusia 11 tahun dan Aurora, 9 tahun.

Fasa Bercerai

Selepas sedekad berkahwin, Diana memohon untuk bercerai selepas berlaku perselisihan faham termasuk tularnya isu petik cili dan cara mendidik anak pada 2023.

Meski Farid cuba menyelamatkan rumah tangganya, dia tetap menceraikan Diana dengan talak satu pada 10 Ogos 2023. Mereka bagaimanapun kembali rujuk hanya dalam tempoh 21 hari bercerai.

Fasa Rujuk

Diana dan Farid memberi khabar gembira apabila mengumumkan kembali rujuk pada 31 Ogos 2023 hanya selepas 21 hari bercerai. Pasangan itu kemudian kembali menjalani hidup sebagai suami isteri dengan rukun sebelum Diana pada akhir Oktober mengaku mahu kembali bercerai buat kali kedua. - MALIAH SURIP

Ada Yang Rahsiakan Nikah, Kekal Bercinta Sampai Lanjut Usia

Isu perceraian kian menjadi perhatian, tak hanya di kalangan selebriti tetapi juga pasangan biasa, terutama bagi mereka yang menikah singkat. Meski banyak pasangan lama berhasil mempertahankan rumah tangga dengan saling memahami dan bertoleransi, pernikahan tetap memiliki tantangan. Namun, jodoh dan maut adalah rahsia Tuhan.

Berikut adalah beberapa pasangan terkenal yang telah hidup bersama selama puluhan tahun.

Yusof Haslam - Fatimah Ismail

Pengarah dan penerbit terkenal, Datuk Yusof Haslam dan isterinya, Datin Fatimah Ismail, telah berkahwin selama 41 tahun. Mereka merupakan ibu bapa kepada dua pengarah hebat, Syamsul dan Syafiq.

Yusof mengakui perkahwinan mereka juga pernah melalui cabaran, namun seperti perumpamaan "sedangkan lidah lagi tergigit," mereka menghadapi semua ujian dengan bijaksana.

"Lelaki jangan anggap kita pujuk isteri kita itu, kita kalah. Silap, bagi saya. Saya bukan kata saya sempurna. Rumah tangga saya bertahan kerana sifat saya yang memujuk dan saya nak pertahankan rumah tangga.

"Kalau saya kahwin cerai, kahwin cerai saya rasa tiada kesudahan. Ini petua saya dan petua ini datang daripada ibu saya sendiri. Katanya, kamu jaga rumah tangga, ambil hati isteri kamu," pesan Yusof dalam temu bual bersama media.




Amitabh Bachchan - Jaya Badhuri

Meski terkenal dan digilai jutaan peminat, Amitabh Bachchan tetap setia kepada isterinya, Jaya Badhuri.

Mereka telah hidup bersama sebagai suami isteri sejak 1973 dan dikurniakan dua anak, termasuk pelakon terkenal Abhishek Bachchan.

Perkahwinan mereka lebih lima dekad lalu mengejutkan ramai, terutama bapa Jaya, yang menganggap Bachchan sebagai lelaki berani dalam membuat keputusan besar.



Armand Maulana - Dewi Gita

Hanya melangsungkan majlis pernikahan di pejabat agama di Indonesia, pasangan vokalis Gigi dan penyanyi Dewi Gita ini hakikatnya masih hidup sebagai suami isteri yang sangat romantis.

Tahun ini, perjalanan rumah tangga Armand dan Dewi Gita sudah masuk 30 tahun selepas diijabkabulkan pada 11 Januari 1994.

Namun Armand dan Dewi Gita menyembunyikan pernikahan mereka daripada umum selama empat tahun.

"Pada zaman 90-an jangan kata menikah, artis punya kekasih pun boleh buat kita hilang peminat," katanya seperti dilaporkan Kompas. - MALIAH SURIP



Gaya 4 Bintang Bollywood Sambut Diwali

Penganut agama Hindu menyambut perayaan Deepavali atau Diwali di seluruh pada 31 Oktober 2024.

Tentu sahaja kemeriah sambutan perayaan ini adalah tentang ‘cahaya’ dan warna-warni yang membuat Diwali selalu terlihat meriah dan istimewa.

Berikut sambutan Diwali yang diraikan oleh empat bintang Bollywood yang telah mencuri perhatian peminat kerana penampilan yang bergaya.



Shilpa Shetty

Aktres Shilpa Shetty merayakan Diwali bersama seluruh keluarga dengan penampilan yang cukup menawan. Shetty dilihat menggayakan beberapa pasang busana termasuk sari berwarna merah yang dipadankan bersama aksesori untuk melengkapkan gaya perayaannya tahun ini.

Janhvi Kapoor

Tidak mahu ketinggalan, Janhvi Kapoor tampil bersama busana yang cukup menawan. Dia memperagakan dua sari dengan begitu tersendiri.

Berkongsi sambutan perayaan bersama keluarganya di akaun media sosial, Janhvi manis menarung sari berwarna merah jambu dilengkapi perincian warna emas dan hijau.

Madhuri Dixit

Bintang legenda Madhuri Dixit pula membuktikan penampilan sederhana juga tidak kalah menarik perhatian digayakan pada sambutan Diwali.

Tampil sangat minimalis bukan hanya pada busana kurta dipadankan seluar, penampilan Madhuri tetap ‘mewah’ bersama solekan, gaya rambut dan perhiasan warna perak yang membalut tubuhnya.

Parineeti Chopra

Seorang lagi bintang yang berkongsi sambutan hari Diwali bersama peminat menerusi platform media sosial adalah Parineeti Chopra.

Tampil sederhana, Parineeti tetap mempersona dalam busana berwarna hijau dipadankan aksesori yang sesuai.

GEMPAK SINEMA



Pengarah: Awi Suryadi
Pelakon: Davina Karamoy, Uly Triani, Shanty, Randy Danistha
Genre: Seram

Perewangan mengisahkan tentang Maya dan keluarganya yang tiba-tiba diganggu oleh kejadian supernatural setelah tanpa sedar terjerat dalam sebuah ritual kuno yang melibatkan roh-roh jahat.

Terinspirasi dari thread viral di platform media sosial X, Perewangan menyelami sisi gelap kehidupan sehari-hari melalui kisah perjanjian dengan entiti ghaib.




Pengarah: Wan Hafiz
Pelakon: Zul Ariffin, Ropie Cecupak, Douglas Lim, Sanggeta Krishnasamy, Marsha Milan, Datuk Yusof Haslam
Genre: Komedi, Seram

Mengisahkan tentang Don Arif yang merupakan bomoh luar biasa dan berasal daripada keturunan bomoh terkenal.

Sebagai 'pempengaruh' media sosial, dia sering memikirkan cara baru untuk meraih populariti. Dengan bantuan Jaafar, penolong kanannya, mereka berjaya 'menyembuhkan' seorang wanita yang dirasuk semasa Konvensyen Bomoh sedang berlaku.

Upacara itu kemudiannya menjadi tular dan sejak peristiwa itu Don Arif semakin terkenal. Maka bermulalah perjalanan baru kehidupannya dengan mendapat permintaan tinggi untuk menggunakan khidmatnya.



Pengarah: Rohit Shetty
Pelakon: Ajay Devgn, Kareena Kapoor Khan, Deepika Padukone, Ranveer Singh, Akshay Kumar, Tiger Shroff, Arjun Kapoor
Genre: Aksi, Drama

Dalam francais ketiga Singham, pegawai polis berani Bajirao Singham dan pasukannya memulakan misi rentas sempadan untuk menyelamatkan isterinya yang tercinta, Avni Singham, yang telah diculik penjenayah.

'Duda Hot' Fattah Amin Masih Dominasi Carta GMW!

'Duda terhangat di pasaran' Fattah Amin masih mendahului carta kategori Selebriti Trending selepas Anna Jobling, Meerqueen, Jazmy Juma dan Scha Elinnea.

Manakala, Tun Laila yang popular dengan kandungan positif tentang undang-undang dan pemeriksaan wanita menduduki carta teratas kategori Digital Creator Trending (Motivator/Education).

Selain itu, drama Kelas Tahanan Cikgu Hiragi, Cinta Tak Pernah Tepat Waktu dan Yanaa Hassan mendominasi kategori Drama Trending, Lagu/Audio Trending dan Digital Creator Trending (Beauty/Fashion)

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2024.

Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

SELEBRITI TRENDING

- 1 Fattah Amin
- 2 Anna Jobling
- 3 Meerqueen
- 4 Jazmy Juma
- 5 Scha Elinnea

DIGITAL CREATOR TRENDING (MOTIVATION/EDUCATION)

- 1 Tun Laila - Law
- 2 Muhammad Noor - Lab
- 3 Siti Awe - Pharmacist
- 4 Fatin Nabila - Motivator
- 5 Adzrin Adzhar - Vocal Coach

DRAMA TRENDING

- 1 Kelas Tahanan Cikgu Hiragi
- 2 Uncle Bos Mama
- 3 X-Change
- 4 Dari Mata Turun Ke Hati
- 5 Nuh & Nayla

LAGU/AUDIO TRENDING

- 1 Cinta Tak Pernah Tepat Waktu - Aina Abdul ft Fabio Asher
- 2 Alahai - Ezra Kairo
- 3 Sangkar Derita - Haqiem Rusli
- 4 Musnah - Danial Kifli
- 5 Samudera - Aisha Retno

X
□
-

**GEMPAK
MOST
WANTED**
YANG PENTING, TRENDING!

Video Terbaru
Bersanding Seorang Diri, Aina Abdul ft Fabio Asher

Bersanding Seorang Diri, Aina Abdul ft Fabio Asher
Dicerikain Atas Talan! | Metif Trending

Gempak Most Wanted

Gempak Most Wanted merupakan sebuah rancangan carta interaktif mingguan memfokuskan segala yang trending, viral & serasa di senua platform digital. Dihesahkan oleh Ainslia Henderson & Sean Lee.

Carta Mingguan Gempak Most Wanted


Undi carta mingguan Gempak Most Wanted sekarang dan bertukar Top 5 setiap minggu!

HANTARKAN PENCALONAN UMUM ANDA

UNDI CALON BULAN OGOS SEKARANG!

CARTA MINGGUAN

Project Universe Himpunkan ‘Project: High Council’, ‘Project: Anchor SPM’ dan ‘Project; Exit’, ‘Kahar: Kapla High Council’



Astro Shaw melancarkan Project Universe, dunia sinematik yang menggabungkan siri-siri coming-of-age popular seperti Project: High Council, Project: Anchor SPM, dan Project; Exit.

Filem terbaru Kahar: Kapla High Council, yang merupakan prekuel kepada Project: High Council, akan tayang pada November 2024, dibintangi Amir Ahnaf, Aedy Ashraf, Sky Iskandar, Thompson Goh, Khenobu, Fadhli Masoot, Fazziq Muqrис, Ayie Khairie dan ramai lagi.

Majlis pelancaran di Setia City Mall turut menampilkan pelakon terkenal serta treler dan poster rasmi Kahar: Kapla High Council. Selain itu, peminat sempat beramah mesra bersama barisan pelakon serta membawa pulang hadiah-hadiah eksklusif.

Selain itu, koleksi merchandise eksklusif seperti hoodie dan barangan bertema boleh dibeli di Shopee melalui Gempak Official Store, dan menu khas bertema Kahar disediakan di restoran Luck Bros Kopi di Lembah Klang. Astro Shaw juga bekerjasama dengan NGO untuk kempen anti-buli dan anti-keganasan, menayangkan video pesanan khidmat masyarakat di radio, TV, dan media sosial pada hari tayangan perdana.

Peminat juga boleh menonton episod khas di Astro dan laman sesawang rasmi filem ini. Nantikan filem Kahar: Kapla High Council di pawagam pada 28 November dan ikuti perkembangan di media sosial dengan hashtag #KaharKaplaHighCouncil.



Astro Menang 13 Kategori Anugerah Seri Angkasa 2024



Astro berjaya meraih 13 anugerah di Anugerah Seri Angkasa 2024 (ASA2024), termasuk anugerah Drama Bersiri Terbaik menerusi "Kisah Cinta Phoebe & Ejoji" dalam kategori Media Baharu. Selain itu, Gempak memenangi anugerah bagi Drama Bersiri Terbaik.

Antara kemenangan utama Astro ialah Pengarah Drama TV Terbaik untuk "Lebai Sampan" (Astro Citra), Komedi TV Terbaik untuk "Muzikal Lawak Superstar S3" (Astro Warna), dan Liputan Berita TV Terbaik oleh Astro Awani. Anugerah-anugerah lain termasuk Majalah TV Terbaik, Kesan Khas TV Terbaik, dan Skrip Drama TV Terbaik.

Drama dan program ini boleh ditonton di Astro Go dan Sooka. - UMIRAH HALIM

Govinda Terharu Sambutan Luar Biasa Di Malaysia

Kumpulan popular Indonesia, Govinda mengakui teruja dan terharu mendapat sambutan luar biasa peminat di Malaysia menerusi Konsert Govinda Hal Hebat yang berlangsung di Megastar Arena pada Khamis.

"Sangat luar biasa, tak pernah pun terfikir dapat peluang seperti ini."

"Dulu kita datang hanya untuk bersama-sama dengan Ernie sahaja tapi malam ini tak sangka kita akan ada disini untuk hiburkan peminat Govinda," kata mereka.

Konsert Govinda Hal Hebat dimeriahkan dengan penampilan istimewa Aina Abdul, Ernie Zakri dan vokalis kumpulan Padi, Fadly.

Govinda telah menyampaikan lebih kurang 19 buah lagu antaranya Tentang Rasa, Episode Bahagia, Mantan Terindah, Setengah Mati Merindu, Tanpa Batas Waktu, Masing-masing dan Hal Hebat.

Antara rakan artis yang hadir ke konsert berkenaan adalah Anuar Zain, Fattah Amin, Ivan Seventeen, dan Cakra Khan. - UMMARUL ASYRAF





Kaartik & Rekka Bringing B40 Life To TikTok

Kaartik and Rekka, a Malaysian couple, gained fame on TikTok for their humorous, relatable Tamil videos that portray everyday life for Malaysia's B40 community. They started creating content during the pandemic, capturing a wide audience by sharing simple, heartwarming family moments.

Initially targeting Tamil-speaking viewers, they added subtitles following demand from Malay fans, broadening their reach. Their videos highlight family values and humor, resonating with audiences of diverse backgrounds.



15 Gorgeous Deepavali Displays Across Malaysian Malls

This Deepavali season, Malaysian malls have put on a stunning display of festive decorations. From intricate kolams to vibrant peacock motifs, each mall offers something unique. Notable mentions include Suria KLCC with exciting activities, The Exchange TRX featuring a massive floral peacock, and MidValley Megamall showcasing a grand kolam.

Other highlights include NU Sentral's record-breaking rangoli and the festive setups at Gurney Plaza and Queensbay Mall in Penang.



7 Must-Watch Malaysian Slapstick Movies

Top 7 Malaysian Slapstick Movies That Will Have You Rolling with Laughter

Scenario The Movie - A comedic adventure filled with mischief and misunderstandings among friends.

Hantu Kak Limah - A hilarious ghost story set in a rural village, blending comedy with supernatural elements.

Zombi Kampung Pisang - A comedic take on zombies, featuring quirky characters and absurd situations.

Polis Evo - An action-comedy that mixes police work with humor, showcasing the lighter side of crime-fighting.

Don Dukun - A supernatural comedy that parodies the world of magic and witchcraft.

Mamak Cupcake - A lighthearted film focusing on the comedic challenges of running a mamak restaurant.

Keluarga Iskandar - A family comedy that highlights the funny dynamics and challenges within a typical Malaysian family.